

UNTUK SIARAN SEGERA

Sime Darby Property Meneruskan Agenda Biodiversiti Dengan Pelancaran Rasmi Pusat Ilmuan Hutan Hujan Tropika Elmina

- Pusat ini mempromosikan tindakan pemuliharaan biodiversiti bandar, penyelidikan dan pembangunan untuk kefungsiian ekologi, pendidikan alam sekitar, dan eko pelancongan, di samping usaha hijau yang lain.
- Inisiatif ini memperkasakan lagi usaha Syarikat untuk menanam 50,000 pokok terancam yang disenarai merah oleh IUCN menjelang tahun 2030.

SHAH ALAM, 30 MEI 2022 – Sime Darby Property Berhad (“Sime Darby Property” atau “Syarikat”) pada hari ini telah melancarkan Pusat Ilmuan Hutan Hujan Tropika Elmina (*Elmina Rainforest Knowledge Centre* atau “ERKC”) yang dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibbi Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj.

ERKC akan dikenali sebagai ‘Ambang Warisan Semulajadi Malaysia’ (*Gateway to Malaysia’s Natural Heritage*), di pusat yang berkeluasan sebesar 1.09-ekar di perbandaran City of Elmina milik Sime Darby Property. Pusat ini berperanan untuk melaksanakan amalan-amalan biodiversiti cemerlang Syarikat, dan fokus kepada usaha-usaha pemuliharaan alam, penyelidikan dan pembangunan, pendidikan alam sekitar, serta eko-pelancongan, disamping inisiatif-inisiatif hijau yang lain.

Pengarah Urusan Kumpulan Sime Darby Property, Dato’ Azmir Merican berkata sebagai warga korporat yang bertanggungjawab, Syarikat amat menitikberatkan pembangunan serta amalan-amalan mampan di semua perbandarannya. “Di samping pelan tindakan perubahan iklim, amalan-amalan biodiversiti cemerlang adalah penting untuk sesebuah organisasi dalam merencana pelan kesinambungan jangka masa panjang yang lebih khusus untuk memberi impak positif kepada alam sekitar,” beliau berkata.

Dato’ Azmir turut berkata: “Sime Darby Property menekankan biodiversiti sebagai salah satu daripada empat imperatif utama di dalam strategi kemampanan Syarikat. Kami akan melaksanakan pelbagai usaha, inisiatif serta program bagi meningkatkan nilai di perbandaran-perbandaran kami serta aktiviti untuk memelihara ekosistem dan kelestarian alam semula jadi. ERKC adalah antara usaha utama Syarikat dalam merealisasikan aspirasi ini.”

Pada tahun 2019, Sime Darby Property telah berkerjasama dengan *Tropical Rainforest Conservation and Research Centre* (“TRCRC”) untuk membangunkan ERKC serta *Elmina Living Collection Nursery* (“ELCN”) yang seluas 10-ekar, khas sebagai stor genetik bagi penghasilan serta pemuliharaan spesis-spesis pokok yang dikategorikan sebagai hampir pupus, jarang dan terancam (*Endangered, Rare and Threatened*) oleh *International Union for Conservation of Nature* (“IUCN”). Sejak permulaan operasinya pada Oktober 2020, TRCRC telah berjaya membesarkan 187 spesis tumbuhan, dengan lebih daripada 35,000 benih disemai, serta 10,000 anak-anak pokok distor di kawasan simpanannya.

Sejak tahun 2011, Sime Darby Property telah menanam lebih daripada 120,000 pokok di perbandarannya dalam usaha mengurangkan kesan-kesan perubahan iklim. Untuk memperkasakan lagi usaha ini, Syarikat telah berikrar untuk menanam 50,000 pokok terancam yang disenarai merah oleh IUCN menjelang tahun 2030 dan sehingga tahun lepas, lebih daripada 21,000 daripada pokok-pokok ini telah pun ditanam di pembangunan-pembangunan Syarikat.

Sebagai pemaju hartanah yang mampan, Sime Darby Property komited dalam mencipta impak alam sekitar dan melaksanakan komitmen ini melalui Matlamat Kemampanan 2030 (*2030 Sustainability Goals*) yang khusus bagi Syarikat, sejajar dengan Matlamat Pembangunan Lestari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nations’ Sustainable Development Goals*). 18 Matlamat Syarikat ini memberi tumpuan kepada mewujudkan impak positif dan menyumbang ke arah kebaikan masyarakat, mengurangkan jejak karbon (*carbon footprint*) serta mencipta nilai ekonomi jangka panjang secara bertanggungjawab.

ERKC menyediakan ruang kepada komuniti setempat untuk melibatkan diri mereka dalam aktiviti-aktiviti pembelajaran mengenai pemuliharaan alam semula jadi yang memberi impak, mendidik generasi muda dan orang ramai tentang kepentingan alam sekitar, dan bertindak sebagai hab sumber dan penyelidikan untuk pertubuhan bukan kerajaan (“NGO”) hijau dan badan-badan berkaitan lain.

Pengarah Eksekutif *Tropical Rainforest Conservation and Research Centre*, Dr. Dzaeman Dzulkifli berkata: “Kita tidak boleh wujud secara berasingan daripada biodiversiti. Kita bergantung kepada semua perkhidmatan ekosistem yang ianya sediakan. Pendekatan yang seimbang terhadap pembangunan bandar dan pemuliharaan alam sekitar diperlukan untuk memudahkan kewujudan bersama yang lebih baik dan sihat dengan alam semula jadi. Kerjasama dengan NGO

dan rakan kongsi yang berbeza serta komuniti adalah penting untuk membina daya tahan iklim. Adalah menjadi harapan saya dengan inisiatif ERKC bahawa setiap orang yang datang melawat pusat ini akan dapat meningkatkan pengetahuan alam sekitar mereka dan belajar tentang selok-belok alam semula jadi dan kebergantungan kita terhadapnya.”

Turut hadir pada majlis pelancaran tersebut adalah Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin; Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj; dan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Dato' Haji Haris bin Kasim, serta tetamu kenamaan dan pegawai agensi negeri yang lain.

-TAMAT SIARAN-

Mengenai Sime Darby Property Berhad

Sime Darby Property adalah pemaju hartanah terkemuka dengan reputasi cemerlang dalam membangunkan komuniti lestari selama 50 tahun. Syarikat mempunyai 24 perbandaran dan pembangunan yang aktif, serta jangkauan yang luas merangkumi aset dan operasi di seluruh negara. Sime Darby Property juga mempunyai operasi di UK melalui penglibatannya dalam konsortium Malaysia dalam projek pembangunan *Battersea Power Station* di London.

Sebagai syarikat yang bertanggungjawab, Sime Darby Property, bersama Yayasan Sime Darby (YSD) secara aktif melancarkan pelbagai program untuk membantu pihak berkepentingan yang memerlukan di kawasan perbandarannya di seluruh negara. Sebagai syarikat hartanah yang cemerlang di peringkat antarabangsa dan tempatan, Sime Darby Property diiktiraf sebagai konstituen *MSCI ACWI Small Cap Index* bertaraf *MSCI ESG BBB*, dan dinilai oleh *Carbon Disclosure Project*.

Sime Darby Property berbangga dikenali sebagai pemenang pelbagai anugerah dalam industri hartanah. Pada tahun 2021, Syarikat terus diiktiraf sebagai pemaju hartanah terkemuka untuk kali kesepuluh berturut-turut dalam anugerah '*The Edge Malaysia's Top Property Developers Awards*'. Sime Darby Property juga telah dinobatkan sebagai '*EdgeProp Malaysia's Responsible Developer: Building Sustainable Development Award 2021*', serta pemenang bagi anugerah '*Building Trust Awards 2021*' PwC di bawah kategori indeks *FBM Mid 70*.

Untuk maklumat lebih lanjut, sila layari www.simedarbyproperty.com

Media Contact: Sharmila Nair | +6012-617 7860 | sharmila.nair@simedarbyproperty.com

For General Enquiries please e-mail group.communications@simedarbyproperty.com